

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

## **PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN**

No Dokumentasi: APTVM 23(b):1/2010

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA

---

### **ISI KANDUNGAN**

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia	2
1.0. Pengenalan	3
2.0. Objektif	3
3.0. Skop	3
4.0. Definisi	3
5.0. Kata Singkatan	4
6.0. Rujukan	5
7.0. Arahan Prosedur Tetap	5
8.0. Prosedur Pemeriksaan Veterinar di Ladang Ternakan	6
9.0. Rekod	6
10.0. Pengkalan Data	7

---

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pemeriksaan Veterinar di peringkat ladang merupakan sebahagian daripada perkhidmatan regulatori dan kawalan penyakit yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Pemeriksaan Veterinar dapat menentukan status sebuah ladang dalam menghasilkan ternakan yang sihat dan dapat menghasilkan produk yang selamat. Peranan ini selaras dengan fungsi Jabatan untuk memastikan hasilan berasaskan ternakan sentiasa bersih, suci dan selamat untuk pengguna.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan biosekuriti ladang, pengurusan ladang, pengurusan program kawalan penyakit serta pengurusan drug, amalan perlادangan yang baik, skim akreditasi, perlesenan serta segala peraturan dipatuhi. Proses pemeriksaan Veterinar diperingkat ladang yang teratur dapat menjamin keutuhan pengisytiharan bebas penyakit dan persijilan Veterinar yang dikeluarkan oleh Jabatan.

Walaupun perkhidmatan diselaras oleh Seksyen Pemeriksaan Veterinar, namun tugasnya pada keseluruhananya perlu turut dipikul oleh semua pihak berkuasa Veterinar yang dilantik. Maka semua pihak samada di peringkat negeri maupun persekutuan yang menjalankan aktiviti kawalan penyakit, surVelan, auditan, Khidmat nasihat, rawatan, lawatan dan regulatori ke sesebuah ladang hendaklah dalam masa yang sama menjalankan pemeriksaan ladang.

Demi untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan bermanfaat kepada industri ternakan, semua pihak yang terlibat perlulah mematuhi suatu prosedur kerja yang seragam. Arahan ini akan menjadi asas penyeragaman perkhidmatan tersebut. Namun begitu pihak berkuasa Veterinar mestilah memiliki tahap kompetensi yang luas untuk menyampaikan perkhidmatan masing-masing.

Dalam memikul peranan jabatan sebagai pihak berkuasa Veterinar, setiap persijilan mestilah berwibawa. Maka rekod yang sempurna dan teratur amatlah penting dalam pemeriksaan Veterinar agar mampu menjadi asas kepada pengeluaran dokumen Veterinar dan sijil Veterinar.

Selaras dengan usaha memperbaiki sistem penyampaian serta memperkuuhkan perkhidmatan dan meningkatkan ketelusan dan keutuhannya, APTVM - Pemeriksaan Veterinar di Ladang Ternakan dikeluarkan. Maka dengan ini diarahkan kepada semua anggota JPV yang menjalankan pemeriksaan Veterinar di ladang untuk mengikut garis panduan dalam APTVM ini.

**DATO .DR. ABD AZIZ BIN JAMALUDDIN**

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

**ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**  
**PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**1.0 PENGENALAN**

Pemeriksaan Veterinar di ladang ternakan oleh pihak berkuasa Veterinar bertujuan membuat pemantauan kesihatan, meninjau produktiviti ladang, penilaian pengurusan, penyampaian khidmat nasihat, pengeluaran permit dan kawalan pencemaran. Jabatan sentiasa menggalakkan pengusaha ladang supaya sentiasa mengamalkan Amalan Perladangan Haiwan Baik (GAHP) dan menitik beratkan kebajikan haiwan demi menjamin kesihatannya. Status pemeriksaan ini dapat digunakan sebagai sokongan bagi membantu dalam urusan pengeluaran sijil kesihatan Veterinar bagi haiwan/ produk haiwan. Penyelaras dan penyeragaman penyampaian perkhidmatan pemeriksaan Veterinar di ladang ternakan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pengguna.

**2.0 OBJEKTIF**

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia- Pemeriksaan Veterinar Di Ladang Ternakan bertujuan untuk:

- 2.1 Menyediakan prosedur seragam untuk menjalankan pemeriksaan Veterinar ladang ternakan.
- 2.2 Membolehkan perkhidmatan pemeriksaan Veterinar di ladang ternakan dijalankan seiring dengan pelbagai perkhidmatan Veterinar lapangan lain di peringkat ladang.
- 2.3 Memastikan supaya pemeriksaan Veterinar di ladang ternakan mengurus rekod yang teratur dan seragam demi menjamin keutuhan dan kewibawaan persijilan Veterinar.

**3.0 SKOP**

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia bagi Pemeriksaan Veterinar Di Ladang Ternakan ini meliputi penjelasan definisi, arahan dan prosedur pemeriksaan Veterinar di ladang.

**4.0 RUJUKAN**

- 4.1 GAHP (MS 2027 : 2006)
- 4.2 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia- Sijil Kesihatan Veterinar
- 4.3 Akta Haiwan, 1953
  - 4.3.1 Seksyen 7(1) , 11(1) Pemeriksaan import
  - 4.3.2 Seksyen 8(3) Pemeriksaan atas pengangkutan
  - 4.3.3 Seksyen 16 Pemeriksaan untuk eksport

- 4.3.4 Seksyen 18(1), (2) Pemeriksaan penyakit
- 4.3.5 Seksyen 21 (1) Pemeriksaan post mortem
- 4.3.6 Seksyen 36(1) (vi) Pemeriksaan kawalan penyakit
- 4.3.7 Seksyen 36 (2) Penyiasatan penyakit
- 4.3.8 Seksyen 47, 48 Pemeriksaan kekejaman
- 4.3.9 Seksyen 59 (1) Pemeriksaan lembu pembaka
- 4.3.10 Seksyen 67 (a) Memasuki dan memeriksa premis
- 4.3.11 Seksyen 67 (b) Menahan dan memeriksa kenderaan

## 5.0 DEFINISI

### 5.1 *Pemeriksa Veterinar*

Pihak Berkuasa Veterinar dan Veterinawan Bertauliah yang menjalankan tugas pemeriksaan Veterinar

### 5.2 *Pihak Berkuasa Veterinar*

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, mana- mana Pegawai Veterinar, Timbalan atau Penolong Pegawai Veterinar dan termasuk mana-mana orang yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan mana-mana Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri untuk menjadi Pihak Berkuasa Veterinar di bawah Seksyen 3 Akta Binatang 1953 (semakan 2006).

### 5.3 *Veterinawan Bertauliah*

Veterinawan yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia serta memiliki Sijil Amalan Tahunan yang sah dan ditauliahkan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta didaftarkan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Bagi menjalankan tugas tertentu dalam skop tanggungjawab, dan arahan seperti dalam APVTM Pendaftaran Veterinawan Bertauliah.

### 5.4 *Ladang Ternakan*

Kawasan atau tempat yang digunakan untuk aktiviti penternakan termasuk menternak, membiak, menyimpan, mengurus dan menjaga ternakan ruminan, unggas, babi dan lain-lain.

## **6.0 KATA SINGKATAN**

- 6.1 APTVM : Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- 6.2 GAHP : Good Animal Husbandry Practice
- 6.3 JPV : Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- 6.4 SPV : Seksyen Pemeriksaan Veterinar
- 6.5 PBV : Pihak Berkuasa Veterinar
- 6.6 PVLT : Pemeriksaan Veterinar di Ladang Ternakan
- 6.7 VB : Veterinawan Bertauliah

## **7.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN**

- 7.1 APTVM-PVLT ini meliputi semua jenis ladang di semua negeri di Malaysia. Semua ladang yang akan dijalankan PVLT hendaklah berdaftar dalam Pendaftaran Premis dan dibuka Fail Premis.
- 7.2 Tugas PVLT menjadi tanggungjawab kepada semua PBV.
- 7.3 Tugas PVLT boleh juga di buat oleh VB mengikut APTVM berkenaan.
- 7.4 Seksyen Pemeriksaan Veterinar (SPV) bertanggungjawab sebagai penyelaras Pemeriksaan Veterinar di premis ladang ternakan seluruh Malaysia.
- 7.5 Bahagian Kesihatan Veterinar JPV Negeri bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan APTVM-PVLT di peringkat negeri.
- 7.6 Semua PBV yang menjalankan sebarang tugas rasmi seperti pemantauan kesihatan ternakan, penyiasatan penyakit, survei, vaksinasi dan kawalan pencemaran, pengeluaran permit pemindahan atau pergerakan, pengeluaran permit penyembelihan, khidmat nasihat, LTJ dan produktiviti Penternakan dalam sebuah premis ladang hendaklah dalam masa sama dan seiring menjalankan PVLT dan merekod serta melaporkan kepada SPV
- 7.7 PVLT untuk tujuan persijilan dan perlesenan Veterinar perlu mengikut APTVM Sijil Kesihatan Veterinar atau arahan dan kaedah berkenaan yang ditetapkan.
- 7.8 Tanggungjawab PVLT khas untuk pelesenan, persijilan, akreditasi, rundingcara ketidakakuruan dilaksanakan oleh pegawai sumber dan pakar atau pegawai yang ditugaskan khas.
- 7.9 Pakar runding pula bertanggungjawab untuk memandu perkhidmatan PVLT dalam penyelidikan, bimbingan, latihan kemahiran bagi meningkatkan kompetensi dan membangunkan kaedah dan prosedurnya. Di samping itu, pakar runding juga bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat, bimbingan, rundingcara serta menyumbang dalam kempen kesedaran awam dan memberi ulasan berasas kepakarannya kepada pengusaha bila diperlukan.

- 7.10 Pemilik ladang hendaklah bekerjama dengan PBV dengan menyediakan maklumat ladang ternakan sentiasa dikemaskini.
- 7.11 Pemilik ladang yang gagal memberi kerjasama atau ingkar hendaklah dirujuk kepada penyelaras untuk arahan selanjutnya.

## **8.0 PROSEDUR PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN**

- 8.1 Ketua Bahagian Kesihatan, Pembangunan Industri Ternakan, Regulatori dan Penyelaras Pengembangan Veterinar Negeri hendaklah menyediakan jadual PVLT bulanan, sukuan dan tahunan kepada semua pemeriksa Veterinar.
- 8.2 Ketua seksyen yang menetap jadual kerja tahunan seperti Pelan Survelan Kebangsaan, Pelan Residu Tahunan harus juga mengambil kira keperluan PVLT.
- 8.3 Semua PBV yang membuat perancangan berjadual untuk membuat perkhidmatan Veterinar, dalam masa yangsama perlu memasukkan aktiviti PVLT dalam perkhidmatan Veterinar yang diberikan.
- 8.4 Sebelum PBV membuat PVLT, hubungi pemunya ladang berkenaan bagi menyatakan tujuan pemeriksaan dan menetapkan temujanji tarikh pemeriksaan.
- 8.5 PBV yang melakukan pemeriksaan perlu menggunakan Borang Pemeriksaan Ladang - SPV/LDG/O1 seperti di Lampiran 1
- 8.6 Senarai semak pemeriksaan ladang asas berdasarkan Amalan Penternakan Baik (GAHP) di ladang seperti berikut:
  - 8.6.1 Biosekuriti
  - 8.6.2 Kesihatan ternakan
  - 8.6.3 Sanitasi ladang
  - 8.6.4 Pengurusan Ternakan dan Peralatan
  - 8.6.5 Program pencegahan dan kawalan penyakit
  - 8.6.6 Kawalan mahkluk perosak
  - 8.6.7 Kawalan pencemaran dan kacau ganggu
  - 8.6.8 Penyimpanan dan penstoran
  - 8.6.9 Sistem maklumat dan rekod
- 8.7 PBV hendaklah merujuk kepada proses kerja dan carta aliran kerja seperti di Lampiran 2 dan 3 semasa menjalankan PVLT.

## **9.0 REKOD**

- 9.1 PVB hendaklah merekod temuan ketika pemeriksaan dengan tepat dan profesional.

- 9.2 Catitan rekod pemeriksaan hendaklah disimpan dalam fail secara kemas dan tersusun.
- 9.3 Salinan Borang Pemeriksaan Ladang - SPV/LDG/Oi dan Senarai Semak hendaklah difaillkan dalam Fail Premis Berkenaan.

## **10.0 PENGKALAN DATA**

- 10.1 Borang Pemeriksaan Ladang - SPV/LDG/O1 hendaklah dimuat naik ke dalam pengkalan data SPV secepat mungkin sebaik kembali ke pejabat.
- 

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN  
ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA  
PEMERIKSAAN VETERINAR LADANG TERNAKAN**

Penasihat	: Y.H Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS
Disediakan oleh	: Dr. Zaliha bt. Abdullah Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
	Dr. Rohaizan bt. Mohd Anuar Seksyen Pemeriksaan Veterinar
	Dr. Mazenah bt. Yusof Jabatan Perkhidmatan Veterinar Melaka
	Dr. Norhaliza bt. Abdul Halim Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
	Dr. Noraini bt. Abdul Rahman Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor
	Dr. Johari bin Abu Bakar Institut Teknologi Unggas, Melaka
	En. Ahmad Daud bin Ramtan Seksyen Pemeriksaan Veterinar
	En. Muhamad Hazmi bin Yaacob Seksyen Pemeriksaan Veterinar

**LAMPIRAN 1**

 <b>JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA BORANG PEMERIKSAAN LADANG TERNAKAN</b>	<b>SPV/LDG/01</b>
<b>A. Maklumat pemeriksa</b>	
1. Tarikh pemeriksaan : _____	
2. ID Premis/ Nama Ladang : _____	
3. Jenis Ternakan : _____ 4. Populasi Ternakan Semasa : _____	
5. Nama pemeriksa : _____ _____	
<b>B. Ulasan Pemeriksa</b> <div style="border: 1px solid black; height: 100px; width: 100%;"></div>	
Tandatangan Ketua pemeriksa : _____	
<b>C. Senarai Semak Pemeriksaan</b>	
<b>Perkara / Kriteria (Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkaitan)</b>	<b>Markah</b>
<b>1. BIOSEKURITI LADANG</b>	
<input type="checkbox"/> i. Mempunyai pagar perimeter yang kukuh, tahan dan tidak mudah diceroboh. <input type="checkbox"/> ii. Ada 'vehicle dip' yang sesuai untuk semua jenis kenderaan di pintu masuk ladang. <input type="checkbox"/> iii. Ada 'foot dip' disediakan untuk pelawat atau petugas di setiap pintu masuk reban, kandang atau perumahan ternakan. <input type="checkbox"/> iv. Hanya sebuah pintu digunakan untuk keluar masuk ladang.	<p>(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 3 kriteria berkaitan (2) Hanya 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan</p> <div style="border: 1px solid black; width: 50px; height: 30px; margin-top: 10px;"></div>
Ulasan : _____	

<b>2.0 SANITASI LADANG</b>			
<input type="checkbox"/> i. Kawasan sekeliling yang bersih dan diurus dengan baik. <input type="checkbox"/> ii. Bangunan / bangsal diselenggara dengan baik dan kemas. <input type="checkbox"/> iii. Bahan (lantai dan dinding) mudah dicuci, tidak serapi air dan tidak licin. <input type="checkbox"/> iv. Lantai bercerun yang sesuai. <input type="checkbox"/> v. Sistem pembuangan sampah yang terurus,	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 4 kriteria berkaitan (2) Hanya 3 atau 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>	
Ulasan : _____			
<b>3.0 KAWALAN PENCEMARAN</b>			
<input type="checkbox"/> i. Ada sistem peparitan dan kumbahan yang berasingan dan berfungsi dengan baik <input type="checkbox"/> ii. Pembuangan tinja, sisa makanan dan bangkai dilakukan dengan baik <input type="checkbox"/> iii. Tiada air bertakung di bawah perumahan ternakan / lantai yang boleh menjadi punca pembiakan serangga <input type="checkbox"/> iv. Ada kawalan pencemaran bau. <input type="checkbox"/> v. Tempat pelupusan bangkai diselenggara dengan baik.	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 4 kriteria berkaitan (2) Hanya 3 atau 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>	
Ulasan : _____			
<b>4.0 PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN TERNAKAN</b>			
<input type="checkbox"/> i. Tempat pengasingan ternakan sakit dan tempat rawatan disediakan. <input type="checkbox"/> ii. Bekas makanan / minuman untuk ternakan dibersihkan setiap hari. <input type="checkbox"/> iii. Perumahan ternakan mempunyai pengudaraan yang baik. <input type="checkbox"/> iv. Keluasan ruang lantai sesuai dan selesa untuk ternakan. <input type="checkbox"/> v. Ternakan sihat dan kelihatan bersih.	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 4 kriteria berkaitan (2) Hanya 3 atau 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>	
Ulasan : _____			

<b>5.0 PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT</b>		
<input type="checkbox"/> i. Sumber ternakan dari gerompok atau ladang bebas penyakit <input type="checkbox"/> ii. Program pemvaksinan dilakukan dengan sempurna dan lengkap. <input type="checkbox"/> iii. Program nyah kuman / nyah parasit dilakukan dengan betul dan sempurna serta berjadual. <input type="checkbox"/> iv. Tidak menggunakan bahan penggalak tumbesaran dalam makanan / minuman <input type="checkbox"/> v. Menggunakan ubatan ternakan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa veterinar.  Ulasan : _____	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 4 kriteria berkaitan (2) Hanya 3 atau 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>
<b>6.0 PENYIMPANAN REKOD</b>		
<input type="checkbox"/> i. Rekod perolehan dan pengeluaran ternakan diselenggara dengan baik dan sempurna. <input type="checkbox"/> ii. Rekod berkaitan aktiviti pengurusan di ladang, pengurusan ternakan dan kesihatan ternakan disimpan dengan baik.  Ulasan : _____	(4) Semua kriteria berkaitan (2) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada rekod (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>
<b>7.0 UTILITI - BEKALAN AIR</b>		
<input type="checkbox"/> i. Bekalan air bersih daripada pihak berkuasa/ Bekalan Air dirawat. <input type="checkbox"/> ii. Mempunyai tangki simpanan untuk waktu kecemasan. <input type="checkbox"/> iii. Pemantauan kebersihan / kualiti air dilakukan. <input type="checkbox"/> iv. Peralatan yang digunakan mencukupi.  Ulasan : _____	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 3 kriteria berkaitan (2) Hanya 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>
<b>8.0 PENYIMPANAN DAN PENSTORAN</b>		
<input type="checkbox"/> i. Ada stor penyimpanan peralatan dan perkakasan ladang. <input type="checkbox"/> ii. Stor makanan ternakan berasingan dari stor lain dan ada kawalan makhluk perosak. <input type="checkbox"/> iii. Bahan kimia, racun, minyak dan baja tidak disimpan dalam ruang stor yang sama. <input type="checkbox"/> iv. Stor diselenggara dengan sempurna, kemas dan bersih.  Ulasan : _____	(4) Semua kriteria berkaitan (3) Hanya 3 kriteria berkaitan (2) Hanya 2 kriteria berkaitan (1) Hanya 1 kriteria berkaitan (0) Tiada perkara disebelah (TB) Semua kriteria tidak berkaitan	<input type="checkbox"/>
<b>JUMLAH MARKAH</b>		

PENCAPAIAN	GRED
<p><b>MARKAH KESELURUHAN</b> <b>BILANGAN TIDAK BERKAITAN (TB)</b> <b>BILANGAN YANG BERKAITAN</b> <b>PERATUSAN (%)</b></p> 	<p>(A) (B) (C)</p> 

**CATITAN**

1 Formula pengiraan peratusan (%) :  $\frac{A \times 100\%}{4(8 - B)}$   
dimana:

A - Jumlah markah keseluruhan  
B - Jumlah perkara yang tidak berkaitan (TB)

2 GRED PERATUS

- A 80 - 100
- B 65 - 79
- C 50 - 64
- D 25 - 49
- E 0 - 25

**LAMPIRAN 2**

**PROSES KERJA**  
**PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN**

TANGGUNGJAWAB	PROSES
Ketua Zon/Ketua Unit Kesihatan/ Pembangunan Industri Ternakan/	Sediakan jadual pemeriksaan dan maklumkan / Arahkan kepada Pegawai Pemeriksa (PBV)
Pihak Berkuasa Veterinar (SPV/TAC/Unggas/Regulatori)	Hubungi pihak ladang, nyatakan tujuan pemeriksaan dan tentukan tarikh pemeriksaan hendak dijalankan.
Pihak Berkuasa Veterinar	Sedia peralatan / perkakasan / senarai semak dan kelengkapan lain untuk menjalankan pemeriksaan diladang
Pihak Berkuasa Veterinar	Lakukan Pemeriksaan menggunakan Senarai Semak (SPV/Ldg/01).
Pihak Berkuasa Veterinar	Jelaskan penemuan semasa pemeriksaan serta ulasan.
Pihak Berkuasa Veterinar	Isikan log Pemeriksaan Veterinar dan minta tandatangan pemilik/ wakil pengurusan ladang
Pihak Berkuasa Veterinar	Hantar laporan kepada Seksyen Pemeriksaan Veterinar
Pihak Berkuasa Veterinar	Rekod

**LAMPIRAN 3**

**CARTA ALIRAN KERJA**  
**PEMERIKSAAN VETERINAR DI LADANG TERNAKAN**

